

# Waspada pembangkang gunakan sentimen perkauman — Mahathir

MIL - 4 AUG 1991

**K**UALA LUMPUR 3 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat supaya berwaspada terhadap parti-parti pembangkang yang dijangka menggunakan sentimen perkauman dengan lebih meluas lagi pada masa-masa akan datang bagi mendapatkan sokongan dan pengaruh politik.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mengajak semua anggota Barisan Nasional (BN) supaya mendedahkan pembongkaran parti-parti lawan secara habis-habisan agar rakyat tidak terperangkap dengan tipu helah mereka.

"Anggota-anggota BN mestilah mendedahkan pembongkaran ini dan jangan sekali-kali terperangkap dengan mencuba menjadi juara dalam isu yang dicipta oleh parti lawan," katanya semasa berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Parti Gerakan Ke-20 di sebuah hotel di sini.

Hadir sama di majlis perasmian itu ialah pemimpin - pemimpin parti komponen BN termasuk Presiden MCA, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik.

Beliau menambah, jika anggota - anggota BN terperangkap dengan tipu muslihat parti-parti lawan, akibatnya mereka pula yang tidak akan dipercayai oleh rakyat.

"Kita sudahpun melihat bagaimana dengan memainkan sentimen kaum, parti-parti pembangkang telah memenangi beberapa kerusi dalam pilihanraya umum tahun lalu.

"Dalam pilihanraya kecil Perai juga kita lihat bagaimana parti lawan memburuk - burukkan kerajaan dengan tuduhan - tuduhan palsu dan mengeksploitasi isu-isu perkauman," tambahnya.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, langkah kerajaan meminda akta pengambilan tanah 1960 telah diputarbelitkan untuk kepentingan parti lawan.

Dalam hal ini, ujarnya, ada pihak yang menuduh bahawa tujuan pindaan itu adalah untuk merampas tanah kepunyaan bukan bumiputera.

"Tuduhan ini tidak berasas sama sekali dan ia adalah membahayakan kerana kerajaan yang dipilih oleh rakyat tidak akan mengambil tanah rakyat jika tidak atas sebab kepentingan nasional," katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir menjelaskan, dalam pengambilan apa jua tanah, kerajaan tidak mengambil kira sama ada ia kepunyaan bumiputera atau bukan bumiputera.

Beliau menambah, parti-parti lawan tidak akan serik untuk membuat tuduhan - tuduhan sedemikian malah mereka mengulangi tuduhan - tuduhan ini setiap kali mereka berucap.

"Walaupun penyiasatan dibuat oleh tokoh-tokoh yang memihak kepada mereka dan hasilnya menunjukkan tuduhan parti pembangkang itu tidak benar, namun mereka akan terus mengulangi tuduhan yang sama," jelasnya.

## Dedah kepalsuan

Mereka hanya akan menghentikan tuduhan sedemikian hanya setelah orang-orang yang dituduh oleh mereka menjadi kawan, ujaninya.

Beliau juga meminta anggota - anggota BN mendedahkan kepalsuan dan keputeraan - puteraan yang terdapat dalam gabungan parti DAP, Semangat 46 dan Pas.

Menurutnya, DAP sanggup bekerjasama dengan Semangat 46 dan Pas kerana sedar mereka memerlukan sokongan orang-orang Melayu untuk memenuhi cita-cita membentuk kerajaan.

Selagi DAP merupakan sebuah parti chawinistik Cina, katanya, selagi itulah ia tidak akan mendapat sokongan orang-orang Melayu dan akan gagal.

Perdana Menteri berkata, jelas antara pemimpin - pemimpin parti-parti lawan ini tidak wujud kerjasama dan kalau ditakirkan memerintah, rakyat akan menderita serta negara akan hancur.

"Han ini ramai daripada anggota S46 bahkan Pas

yang mahu meninggalkan parti-parti itu serta hilang semangat untuk bergerak lagi.

"Di Perai, kita lihat penyokong - penyokong kuat DAP sudah berpaling tadah malah rakyat semakin sedar apa yang diperjuangkan oleh pemimpin parti lawan ialah untuk mendapat kuasa bagi diri sendiri," tambahnya.

Di Kelantan, kata Perdana Menteri, kerjasama pembangkang ini telah berjaya menumbangkan kerajaan BN tetapi selepas beberapa hari kerajaan Pas-S46 dibentuk tanda-tanda keretakan sudah kelihatan.

"Bagaimanapun hanya kerana paksaan melalui undang - undang saja yang mengekalkan pakatan itu sehingga hari ini," tambah beliau.

Dalam hubungan ini, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, jika Pas dan DAP berjaya membentuk kerajaan, pasti mereka akan memperkenalkan undang - undang yang lebih ketat lagi untuk mengekalkan kerajaan campuran mereka.

Namun begitu, katanya, gabungan DAP-S46-Pas ini akan terus bekerjasama serta berusaha memburukkan kerajaan BN dan adalah penting BN mendedahkan kepalsuan dalam gabungan itu.

Beliau juga menyanjung tinggi sumbangan positif parti Gerakan ke arah memantapkan lagi BN.

Mengetutnya, kerjasama rapat antara pemimpin - pemimpin Gerakan telah membolehkan BN menumpukan tenaga dan usaha ke arah pembangunan negara yang lebih pesat.

Mengenai matlamat negara maju pada tahun 2020, katanya, rakyat perlu membuat permulaan bagi mencapai matlamat itu dari sekarang.

"Jika kita tidak memulakan dari sekarang, masa akan berlalu tanpa apa-apa kemajuan dan apabila tiba tahun 2020 kita akan berada di takuk yang lama," katanya.